

SARA 2025

Manfaat untuk rakyat

SUMBANGAN Asas Rahmah (SARA) yang disalurkan bermula 15 Januari lalu melalui MyKad secara bulanan memberi sinar kepada 700,000 penerima miskin dan miskin tegar.

Ini adalah pendekatan bantuan terbesar daripada Kerajaan Madani apabila sebahagian pertambahan hasil negara serta penjimatan daripada perbelanjaan subsidi diagihkan semula bagi membantu mereka yang benar-benar memerlukan.

Dalam Belanjawan 2025, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan manfaat peruntukan STR 2025 dan SARA 2025 (MyKasih) ditingkatkan kepada RM13 bilion berbanding RM10 bilion sebelum ini.

Untuk tahun 2025, penyaluran SARA melalui penggunaan MyKad juga turut diperluas ke Sabah dan Sarawak berbanding hanya di Semenanjung Malaysia tahun lalu.



SUMBANGAN ASAS RAHMAH

Kategori Penerima	Bil Per
Isi Rumah (tidak had umur) (STR & eKasih)	0.7
Warga Emas Tiada Pasangan (STR & eKasih)	
Bujang (21-59 tahun) (STR & eKasih)	
Isi Rumah (tidak had umur) (STR sahaja)	4.7
Warga Emas Tiada Pasangan (STR sahaja)	

KELAYAKAN PENERIMA SARA



CARA MEMOHON

Orang ramai tidak perlu memohon SARA 2025. Kelayakan SARA 2025 adalah secara automatik berdasarkan data Miskin Tegar dan Miskin eKasih sehingga 31 Oktober 2024. SARA 2025 turut diperluas kepada semua penerima STR 2025 kategori Isi Rumah dan Warga Emas Tiada Pasangan ini.



<https://ekasih2.icu.gov.my>



PELAKSANAAN

Penerima SARA 2025 akan menerima bantuan barangan keperluan asas tanpa tunai (cashless) secara automatik melalui akaun yang dibuka menggunakan MyKad penerima.



KAEDAH PEMERIKSAAN

Pilih Barangan Keperluan Penerima bantuan boleh memilih barangan keperluan berdasarkan 13 kategori produk yang mempunyai label MyKasih di rek tanda harga.

ANTARA BARANGAN KEPERLUAN ASAS DARI PADA 13 KATEGORI PRODUK YANG DILULUSKAN IAITU :

KADAR BANTUAN

Kadar bantuan SARA ditingkatkan dengan isi rumah miskin dan miskin tegar di dalam rekod eKasih bakal menerima RM2,100 untuk 2025, berbanding RM1,200 pada 2024. Bantuan SARA sebanyak RM100 sebulan akan dikreditkan ke dalam MyKad penerima bagi bulan Januari hingga Mac 2025.

Mulai April 2025, kadar bantuan itu akan ditingkatkan kepada RM200 sebulan.

Mekanisme yang seragam itu adalah penambahbaikan daripada tahun lalu, berbanding penyaluran bantuan secara tunai dua kali setahun kepada penerima SARA yang bermastautin di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.



PENAMBAHBAIKAN

Penambahbaikan kepada SARA ini merangkumi sebahagian daripada peningkatan peruntukan Belanjawan 2025 bagi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan SARA ke tahap tertinggi dalam sejarah, iaitu RM13 bilion berbanding RM10 bilion pada tahun lalu.

Selain daripada itu, 5.4 juta penerima STR turut akan menerima bantuan tambahan SARA mulai April 2025. Ini terdiri daripada 700,000 penerima SARA sedia ada dan 4.7 juta penerima STR sedia ada yang tidak berada dalam rekod eKasih.

BARANGAN KEPERLUAN YANG BOLEH DIBELI

Di bawah program SARA, peminat boleh membeli barangan keperluan asas terpilih dengan menggunakan MyKad di kedai-kedai runcit berdaftar yang kini berjumlah lebih 1,200 buah di seluruh negara, berbanding 700 buah pada tahun 2024.

Penerima SARA boleh menggunakan kredit yang disalurkan untuk membeli barang keperluan asas terpilih di bawah kategori barangan kebersihan diri, ubat-ubatan dan peralatan persekolahan, selain daripada barang makanan asas.

Beras



Roti

Minyak masak



BUTIRAN PENYALURAN SARA 2025



Anggaran terima	Jumlah Kelayakan SARA 2025	Januari	Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober	November	Disember
juta	RM2,100	RM100	RM100	RM100	RM200	RM200	RM200	RM200	RM200	RM200	RM200	RM200	RM200
	RM1,650	RM100	RM100	RM100	RM150	RM150	RM150	RM150	RM150	RM150	RM150	RM150	RM150
	RM600	RM50	RM50	RM50	RM50	RM50	RM50	RM50	RM50	RM50	RM50	RM50	RM50
juta	RM900	-	-	-	RM100	RM100	RM100	RM100	RM100	RM100	RM100	RM100	RM100
	RM450	-	-	-	RM50	RM50	RM50	RM50	RM50	RM50	RM50	RM50	RM50

ARA MISKIN TEGAR DAN MISKIN

Warganegara Malaysia dan lulus Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2025 kategori Isi Rumah, Bujang dan Warga Emas Tiada Pasangan.


Tersenarai sebagai penerima Miskin Tegar / Miskin eKasih dalam rekod data eKasih di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) sehingga 31 Oktober 2024.

SARA ISI RUMAH DAN WARGA EMAS TIADA PASANGAN STR

Warganegara Malaysia; dan lulus Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2025 kategori Isi Rumah dan Warga Emas Tiada Pasangan.

Semakan baki SARA dalam akaun MyKad penerima boleh disemak melalui portal rasmi MyKasih <https://app.mykasih.net/sara2/checkstatus> Senarai pasar raya dan kedai runcit terbahagi boleh disemak melalui laman rasmi MyKasih. <https://app.mykasih.net/sara2/merchant-list>

BELIAN BARANGAN KEPERLUAN



Semakan baki di resit pembelian



Logo MADANI

Jata Negara

Baki semasa SARA dalam MyKad penerima

Jumlah pembelian perlu dibayar

Baki SARA dalam MyKad penerima selepas pembelian

Semakan baki di aplikasi MyKasih

